



- 1. JURUKAMERA ENG KANAN**
JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI
C.3-4 EB.5 (\$1,990 - \$2,970 SEBULAN)
KEKOSONGAN = 2

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) BDTVEC / BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau sebanding dalam bidang *Photography / Cinematography / Film and Tv Production / Communication Media / Media Studies / Computer Studies / Information Technology (IT)* atau bidang bersesuaian.

ATAU

- b) Sedang berkhidmat di Jabatan Radio Televisyen Brunei sebagai Jurukamera ENG / Penyunting ENG / Perakam Suara Eng atau jawatan bersesuaian dalam tanggagaji C.2 tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tanggagaji C.1 tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

- c) Sedang berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji C.2 tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tanggagaji C.1 tidak kurang dari 6 tahun.
2. Fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.
3. Boleh membuat kertas kerja dengan menggunakan peralatan computer atau mempunyai pengetahuan asas menggunakan perisian *Microsoft Office* adalah kelebihan.



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB JURUKAMERA ENG KANAN:

1. Bertanggungjawab kepada Ketua bagi Unit Eng dalam Pengurusan Krew kamera di bawah jagaannya.
2. Mengetuai sekumpulan krew kamera dalam kerja-kerja penggambaran yang memerlukan banyak kamera yang mana Jurukamera ENG Kanan berkenaan bertanggungjawab memberikan arahan kepada krew kamera dalam penempatan kamera seperti yang dikehendaki oleh penerbitan rancangan.
3. Jurukamera Eng Kanan berperanan dalam mengendalikan kerja-kerja khas yang memerlukan profesionalisma dan kemahiran yang tinggi.
4. Membantu Ketua bagi Unit ENG dalam kerja-kerja penjadualan krew ENG "*multi-skilling*".
5. Jurukamera ENG Kanan juga dikehendaki menghadiri mesyuarat-mesyuarat yang dikendalikan oleh Bahagian Berita, Hal Ehwal Semasa dan Sukan / Bahagian Rancangan Tv tentang tugas rutin krew ENG setiap hari bila diperlukan.
6. Melatih dan membimbing Pegawai / Kakitangan bawahan.
7. Menjalankan dan melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan oleh Pegawai atasan dari semasa ke semasa.